



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (050-065)

Laras Bahasa Gastronomi: Ciri Keperihalhan Dan Ciri Linguistik Dalam *Facebook* (*Suami Masak Apa Hari Ini?*)

¹Masrina Karim, ¹Harishon Radzi & ²Junaini Kasdan
masrinakarim16@gmail.com, naslin@ukm.edu.my & junaini@ukm.edu.my

¹*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

²*Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tarikh terima : 13 September 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 10 Oktober 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Konsep laras telah mendapat perhatian dalam kalangan ahli-ahli bahasa, khususnya mereka yang terlibat dengan kajian sosiolinguistik. Mereka mula menyedari bahawa kajian tanpa mengaitkan masyarakat akan mengetepikan beberapa aspek penting dan menarik serta mungkin menyempitkan pandangan mereka terhadap bahasa itu sendiri. Makalah ini membicarakan tentang kajian terhadap penggunaan Laras Bahasa Gastronomi dengan menghuraikan ciri-ciri keperihalhan dan ciri-ciri linguistik dalam laman Facebook (*Suami Masak Apa Hari Ini?*). Pengkaji menggunakan data primer sebagai bahan kajian manakala teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer ini adalah melalui kaedah pemerhatian. Pengkaji telah memilih untuk menganalisis wacana yang terdiri daripada pelbagai aktiviti dalam laman rasmi ‘Suami Masak Apa Hari Ini?’ di media sosial Facebook. Laman tersebut telah diwujudkan pada 16 April 2020 iaitu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian laras ini telah menggunakan pendekatan Ure & Ellis. Hasil dapatan dari kajian ini mendapati bahawa pengguna Facebook mampu menguasai ciri-ciri keperihalhan dan ciri-ciri linguistik. Antaranya, aspek tatabahasa dan kosa kata yang berkaitan bidang masakan telah digunakan dengan baik. Dalam tempoh PKP, mereka menggunakan media sosial *Facebook* sebagai wahana terbaik dalam berkongsi pendapat mengenai bahan masakan, gaya masakan, resipi pelbagai menu, dan memberi komen penambahbaikan sekiranya sesuatu menu itu tidak dapat dihasilkan dengan elok. Malahan, mereka menjadi lebih kreatif dalam penghasilan hidangan dalam tempoh PKP.

Kata Kunci: Gastronomi, ciri keperihalhan, ciri linguistik, Facebook

The Register of Gastronomy: Descriptive and Linguistic Characteristics of “Dear Husband, What’s Cooking Today?” in the Facebook

Abstract

The concept of register has received due attention among language experts, particularly those involved in sociolinguistic studies. They begin to be aware that disregarding the society means ignoring certain

important and interesting aspects which would probably narrow their views of language itself. This article discusses a study that investigated the use of the Malay language register in gastronomy by focusing on the descriptive and linguistic characteristics in Facebook (Dear Husband, What's Cooking Today?). The research has used primary data as the research source. The technique used to extract the primary data is through observation. The researchers have chosen to analyse a discourse containing various activities in the official website 'Suami Masak Apa Hari Ini?' (Dear Husband, What's Cooking Today?) on the Facebook. The website was developed on 16 April 2020 which was during the Movement Control Order (MCO) of the Covid19 pandemic. This study on register uses Ure & Ellis approach. It was found that Facebook users are competent in terms of descriptive and linguistic characteristics. Among them are the grammar and vocabulary aspects relating to gastronomy which have been used accordingly. During the MCO, the use of Facebook as a platform of social media has been benefited in sharing of ideas on cooking ingredients, cooking methods, recipes of various menus, and in providing comments for upgrading when a menu does not deliver a good result. In fact, they become more creative in producing recipes during the MCO.

Key words: *Gastronomy, descriptive characteristics, linguistic characteristics, Facebook*

1. Pengenalan

Laras merupakan konvensi sosial dan sesuatu laras digunakan untuk sesuatu situasi. Dari aspek yang lain pula, dapat dikatakan bahawa dengan memilih laras yang berlainan untuk situasi-situasi yang berbeza, ahli-ahli masyarakat menunjukkan bahawa mereka sedar akan situasi-situasi sosial yang berlainan dan wujud di sekitar mereka. Jumlah laras yang wujud dalam sesebuah masyarakat bahasa menunjukkan bahawa pengalaman bahasa masyarakat tersebut agak baik. Di samping itu, pelbagai bidang yang baharu membuktikan bahawa bidang laras bahasa berkembang dari semasa ke semasa. Hal ini kerana kemunculan laras-laras bahasa adalah selari dengan kewujudan situasi-situasi penggunaan bahasa.

Dalam kehidupan seharian, banyak perkara yang diperkatakan dalam situasi yang berlainan. Akibatnya, akan wujud penggunaan variasi bahasa yang berbeza-beza tanpa disedari oleh anggota masyarakat. Perbezaan ini lahir daripada fakta yang bertutur, tajuk yang diperkatakan ataupun dibincangkan, tujuan perbincangan dan juga suasana atau keadaan penggunaan bahasa itu sendiri. Kini, proses pembinaan dan pengembangannya telah melahirkan sejumlah besar laras dalam konteks bahasa Melayu sejak zaman lampau lagi.

Menurut Mohd Faizal Musa (2019), gastronomi adalah sains rasa dan merasa. Dalam hal ini rasa melibatkan apa-apa sahaja produk yang boleh dimakan atau diminum manusia, manakala merasa adalah mengenai manusia yang mengambil makanan tersebut. Gastronomi bukanlah semata-mata pengalaman hedonistik, akan tetapi ia adalah sebuah disiplin yang ikut membincangkan isu masyarakat seperti apa-apa yang patut dimakan oleh golongan tertentu. Sebagai contoh, apakah makanan terbaik untuk mereka yang berusia, ibu berpantang, atau kanak-kanak, atau juga orang yang sakit? Gastronomi juga sedikit sebanyak mengenai bagaimana industri pembuatan makanan secara tradisional dapat berubah menjadi sesuatu yang canggih oleh bantuan teknologi. Dalam hal ini, gastronomi akan dikaitkan dengan industri hospitaliti seperti perhotelan dan pelancongan.

Facebook merupakan salah satu medan media sosial dan medium komunikasi yang sangat popular yang diperkenalkan pada tahun 2004 oleh Mark Zuckerberg (Maslida Yusof dan Karim Harun, 2015). Medium ini dapat menghubungkan manusia antara benua yang mana dapat mengumpulkan ahli keluarga dan rakan-rakan yang berkongsi pelbagai latar dan minat yang sama di alam maya, sama ada pernah berjumpa atau tidak secara bersemuka (Maslida Yusof dan Karim Harun 2015). Selain itu, *Facebook* juga membolehkan penggunaanya berhubung dengan rakan-rakan

dengan lebih pantas, mudah, murah dan melangkaui geografi (Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi, 2014). Medan komunikasi ini membolehkan pengguna untuk menonjolkan diri dan corak jaringan sosial mereka dengan mudah antara pengguna yang lain (Ellison et al. 1996; Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi 2014). Selain itu, pengguna yang menggunakan Facebook ini dapat membina hubungan yang positif secara individu atau berkumpulan dengan kepuasan diri sendiri, kepercayaan sosial, sivik dan penglibatan politik berdasarkan kajian Sebastian, Park dan Kee pada tahun 2008 (Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi, 2014).

Secara ringkasnya, gastronomi adalah sebuah bidang yang bertindanan dengan bidang lain, dan begitu luas cakupannya. Namun demikian terdapat beberapa disiplin lain yang hanya merupakan satu bidang sokongan kepada gastronomi. Sebagai contoh bidang teknologi pemakanan, ekonomi mikro, nutrisi, farmakologi, dan agama (industri halal) akan turut terkait dengan gastronomi meskipun tidak secara langsung. Bidang-bidang sipi ini harus diambil kira demi memastikan gastronomi menjadi bidang yang relevan. Ia juga menjadi perbezaan besar antara ilmu kulinari dan ilmu gastronomi.

Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna yang gastronomi adalah sebuah bidang yang terlalu longgar, luwes, dan boleh dilonggokkan apa-apa sahaja. Meskipun kita bersedia untuk menganggap gastronomi sebagai bidang yang bertindanan dengan pelbagai bidang lain, termasuk sains makanan, ia masih sebuah bidang seni. Malah dalam banyak keadaan ia adalah cabang persuratan. Dalam erti kata lain gastronomi adalah bidang yang menerokai apa-apa yang ada di meja hidangan. Misalnya, kandungan hidangan, bagaimana dan mengapa ia dijamah, si pemakan, bagaimana ia disiapkan, etiket hidangan, hiasan dan juga akhirnya aturan hidangan. Manakala persoalan-persoalan lain yang sipi gastronomi itu masih diambil kira dalam membicarakan bidang ini.

Permasalahan Kajian

Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji berbeza berdasarkan isu dan ruang lingkup bidang yang berbeza mengikut pengkaji. Perkara ini adalah disebabkan pengkaji-pengkaji lepas mengkaji menerusi kajian mereka berdasarkan perspektif mereka sendiri dan sememangnya berbeza dengan kajian-kajian lain. Kajian ini berpendapat pengkaji-pengkaji lepas lebih cenderung menjalankan kajian linguistik dengan menggunakan *Facebook* di Malaysia. Pelbagai aspek kajian bahasa telah disentuh yang berasaskan data kajian dalam *facebook* seperti kajian Maslida Yusof dan Karim Harun (2015), Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani dan Rohaidah Haron (2018), Kartini Abd Wahab (2018) dan Rohaidah Mashudi et al. 2018.

Maslida Yusof dan Karim Harun (2015) telah meneliti fungsi komunikasi melalui lakuan tutur yang disampaikan oleh pengguna *Facebook* melalui ruangan atau aktiviti kemas kini status. Kajian ini memperlihatkan lakuan sosial yang digunakan oleh pengguna *Facebook* bagi mengungkapkan emosi dan perasaan, memulakan perbincangan atau menghina seseorang (Maslida Yusof dan Karim Harun 2015). Penulis menggunakan kaedah analisis kandungan daripada sampel kemas kini status dan dianalisis berdasarkan kerangka lakuan tutur Searle (1969). Dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini ialah lakuan tutur yang ditunjukkan oleh pengguna *Facebook* terdiri daripada representatif, ekspresif dan direktif.

Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani dan Rohaidah Haron (2018) pula membincangkan perubahan fungsi dan makna peribahasa yang diambil daripada laman *Facebook*. Perubahan yang terhasil daripada pembaharuan yang digunakan oleh pengguna Facebook mengikut peredaran ialah bentuk, makna leksikal, kolokasi dan kognitif (Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani dan Rohaidah Haron, 2018). Ungkapan peribahasa yang baharu yang diperbaharui oleh pengguna Facebook juga

mempunyai makna eksplisit dan implisit bagi merealisasikan ungkapan tersebut dan memberi kesan kepada masyarakat.

Kartini Abd Wahab (2018) pula membincangkan penggunaan Bahasa Melayu Sabah (BMS) dalam laman media sosial *Facebook* dengan memfokuskan analisis terhadap ciri dan fungsi komunikatif BMS. Kajian ini memperlihatkan beberapa ciri linguistik dalam BMS di laman *Facebook* seperti fonologi dari aspek bunyi dan ejaan kata BMS yang disesuaikan seperti BMS lisan yang mana tidak mempunyai bunyi vokal tertentu (Kartini Abd Wahab 2018). Kajian penulis ini juga menjelaskan ciri linguistik lain seperti morfologi dan sintaksis, iaitu terdapat struktur songsang (predikat+subjek) dalam ayat yang dihasilkan dalam BMS.

Tambahan lagi, Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018) telah mengkaji aliran pertuturan penggunaan bahasa rojak yang digunakan di laman sosial *Facebook* di Malaysia. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis isi kandungan ini telah memperoleh dapatan bahawa bahasa rojak; percampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris amat ketara digunakan oleh pengguna *Facebook* di Malaysia (Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018). Hal yang demikian merupakan masalah yang perlu diteliti supaya bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, telah menjalankan kajian untuk memahami interpretasi mesej pengguna media sosial serta mengenal pasti komuniti wacana dalam media sosial *Facebook*. Kaedah pemerhatian berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi oleh Hymes (1986) telah digunakan bagi menginterpretasi mesej yang dipaparkan membawa makna kepada komuniti tersebut dan mempunyai minat yang sama terhadap komunikasi antara wacana (Rohaidah Mashudi et al. 2018).

Berdasarkan kajian lepas yang menjadi rujukan penulis, terdapat kelompongan kajian terhadap linguistik dengan menggunakan *Facebook* di Malaysia. Terdapat pelbagai medium komunikasi yang digunakan oleh masyarakat pada hari ini termasuklah *Whatsapp*, *Twitter*, *Instagram*, *Facebook* dan lain-lain. *Facebook* yang merupakan medium komunikasi dan lebih selesa disebut sebagai laman media sosial yang paling banyak digunakan untuk berkongsi gambar, video dan kemas kini status secara umum atau tidak, membalas komen dan mesej secara personal. Setiap medium ini mempunyai matlamat tersendiri yang mana pengguna dapat berhubung antara satu sama lain walaupun berada di dua benua yang berbeza.

Namun begitu, kajian yang menggunakan medan komunikasi *Facebook* banyak dilakukan berkaitan keberkesanan komunikasi, manakala kajian linguistik kebanyakannya membincangkan morfologi, sintaksis, sosiolinguistik dan semantik. Kajian laras bahasa yang menggunakan *Facebook* adalah kurang dilihat dan dikaji, khususnya di Malaysia. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah penting untuk menganalisis laras bahasa dan kajian literatur yang digunakan dalam laman *Facebook* oleh pengguna di Malaysia. dari segi kajian gastronomi, ternyata sumber data daripada *facebook* dapat dimanfaatkan kerana laras bahasa yang digunakan merupakan satu aspek yang sangat menarik untuk diteliti ekoran ciri-ciri identiti yang ditonjolkan. Meskipun, umumnya *facebook* adalah terbuka kepada semua ahli yang berdaftar, tidak dinafikan, wujud halaman *facebook* yang mengkhusus kepada satu golongan sahaja. Hal ini dapat diteliti terhadap laman *facebook* `Suami Masak Apa Hari Ini`.

2. Sorotan Literatur

Beberapa orang pengkaji telah mengemukakan pandangan mereka tentang laras bahasa, teknologi, dan media sosial. Antaranya, Nik Safiah Karim (1982:1) misalnya menyatakan laras seperti yang berikut:

Laras atau register bermaksud gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa. Sesuatu laras bermaksud variasi bahasa yang dipilih daripada sekumpulan variasi yang ada pada tiap-tiap penutur. Jumlah laras wujud dalam sesuatu masyarakat kerana kemunculan laras bahasa selari dengan kewujudan situasi-situasi penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa berubah mengikut konteks, bidang dan peringkat sosial.

Nik Safiah Karim mengaitkan laras dengan pemilihan bahasa berdasarkan konteks, bidang yang diperkatakan dan juga peringkat sosial. Menurut beliau lagi, laras sesuatu bahasa yang digunakan itu adalah selari dengan Kewujudan situasi-situasi penggunaan bahasa.

Seorang lagi pengkaji tempatan yang menyentuh tentang laras ialah Abdullah Hassan. Menurut beliau, laras ialah pemakaian kata-kata tertentu yang sesuai dengan konteks. Sesuatu laras yang sesuai digunakan adalah pengolahan bahasa yang baik, ada hubungan antara isi dengan perkara yang diperkatakan dalam laras. Menurut beliau (1987:26):

Pemakaian kata-kata tertentu yang sesuai dengan konteksnya itu adalah sesuatu yang dikatakan laras bahasa. Pemakaian laras bahasa yang sesuai itu adalah dianggap pengolahan bahasa yang baik. Ada hubungan rapat antara isi, perkara yang dibincangkan dengan laras bahasa yang digunakan untuk membincangkannya.

Di samping itu, Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad, dan Raja Masittah Raja Ariffin pada tahun 2014 telah mengkaji Ayat Perintah dalam Novel *Kabus di Perbukitan*. Hal ini berkait rapat dengan laras gastronomi yang kerap menggunakan ayat perintah sebagai idea utama dalam menyampaikan mesej. Novel *Kabus di Perbukitan* merupakan salah satu novel yang terpilih sebagai komponen sastera bahasa Melayu yang menjadi mata pelajaran wajib bagi pelajar tingkatan lima di beberapa buah negeri termasuk negeri Johor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis dan kekerapan penggunaan ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*, yang melibatkan keseluruhan halaman dalam novel ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Kajian juga dilakukan dengan menerapkan Teori Transformasi Generatif. Kajian menunjukkan bahawa antara ayat perintah yang kerap digunakan dalam novel tersebut ialah ayat perintah jenis suruhan, larangan dan permintaan. Hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman serta membantu pelajar dalam menguasai tatabahasa terutama tentang penggunaan ayat perintah. Selain itu, kajian ini juga dijangka dapat memberi panduan kepada pelajar untuk menghasilkan penulisan bahasa Melayu yang lebih baik.

Kajian mengenai laras bahasa turut melibatkan Junaini Kasdan et al. (2017) mengenai *Ketidakselarasan Istilah Bahasa Melayu Dalam Korpus Kejuruteraan Dan S&T: Analisis Sosioterminologi*. Terminologi atau peristilahan merupakan aspek penting dalam pembinaan bahasa Melayu, khususnya dalam usaha meningkatkan taraf dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Justeru, kegiatan penggubalan istilah secara terancang di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dimulai sejak tahun 1956. Penggubalan istilah bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) adalah antara yang terawal digiatkan. Sehingga 1992 sahaja, hampir 240,000 istilah dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) telah digubal. Kini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menghasilkan lebih daripada 1 juta istilah dalam pelbagai bidang

ilmu. Pelbagai bentuk ketidakselarasan istilah telah dikenal pasti dan setiap fenomena yang berlaku dijelaskan melalui pendekatan sosioterminologi.

Selain itu, Harishon Radzi dan Nurul Husna binti Abdul Halim (2018) telah mengkaji Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Analisis Sosiokognitif. Perkembangan sesuatu bidang memerlukan istilah bagi membawa konsep bidang tersebut. Penggunaan teknologi maklumat turut dipengaruhi oleh latar belakang sosial. Hal ini dapat menjelaskan alasan teknologi maklumat hanya digunakan oleh golongan tertentu. Oleh itu, kajian ini membincangkan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan analisis sosiokognitif. Aspek sosiokognitif yang diteliti dalam kajian ini melibatkan pengetahuan istilah teknologi maklumat yang diteliti berdasarkan umur, program pengajian dan kawasan tempat tinggal. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat adalah 'sangat baik'.

Seterusnya, Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (2019) telah mengupas isu Bahasa Media Sosial Hari ini Memisahkan Generasi X dan Y. Penggunaan bahasa media sosial dalam komunikasi hari ini dikatakan telah memisahkan Generasi X dan Y. Generasi X lebih tertarik menggunakan e-mel dan surat. Justeru Generasi X memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik dari segi tatabahasa dan ejaan. Sebaliknya Generasi Y yang lebih cenderung berkomunikasi menggunakan teks mesej dan WhatsApp lebih cenderung menggunakan bahasa yang ringkas, bercampur aduk, bersifat peribadi dan adakalanya salah dari segi tatabahasa dan ejaan. Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan bahasa media sosial yang berbeza telah memisahkan Generasi X dan Y. Generasi X cenderung menggunakan metafora dan bahasa yang ada unsur humor, sebaliknya Generasi Y memperlihatkan penggunaan bahasa singkatan dan lambang emoji. Kecenderungan Generasi Y menggunakan bahasa media sosial dalam komunikasi lisan dan tulisan ini telah menimbulkan jurang dalam komunikasi antara Generasi Y dan X di institusi dan di tempat kerja.

Pada dasarnya, laras bermaksud bahasa dituturkan yang berubah dan bersesuaian dengan situasi sosial yang kita hadapi. Sesuatu situasi itu bukan sahaja membantu bagi menentukan apa yang kita ujarkan malah ia menentukan bentuk bahasa yang akan kita gunakan. Sesuatu laras itu akan wujud dengan kewujudan situasi-situasi penggunaan sesuatu bahasa itu. Berdasarkan penjelasan beberapa orang tokoh yang mengkaji laras, sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji barat, dapat dirumuskan bahawa laras ialah variasi bahasa yang berbeza-beza bentuk dan penggunaannya. Laras berdasarkan situasi tertentu dan juga bidang tertentu yang diperkatakan oleh anggota masyarakat.

Berdasarkan perbincangan sorotan literatur, dapat dikesan bahawa, kajian berkaitan laras bahasa sememangnya meluas disentuh. Namun begitu dari segi pemilihan data kajian berkaitan gastronomi tidak meluas dilakukan. Tambahan pula penelitian menggunakan pendekatan oleh Ure & Ellis. Ekoran itu, justifikasi pemilihan laman 'Suami Masak Apa hari Ini' sangat rasional diketengahkan. Penelitian ini selari pulak dengan fenomena terkini iaitu pandemic COVID – 19 yang membentuk normal baharu dalam segala segi kehidupan.

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan data primer sebagai bahan kajian. Teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer ini ialah melalui kaedah pemerhatian. Pengkaji telah memilih untuk menganalisis wacana yang terdiri daripada pelbagai aktiviti dalam laman rasmi 'Suami Masak Apa Hari Ini?' di media sosial *Facebook*. Data primer ini merupakan data asli kerana belum dianalisis serta merupakan sumber pertama dalam sesuatu penyelidikan. Tambahan lagi, penulis akan memperoleh ketepatan hasil kajian yang baik.

Kumpulan tersebut telah dibina pada 16 April 2020 iaitu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Segala aktiviti yang dimuat naik adalah berkaitan dengan suami dan bakal suami yang memasak semasa PKP tersebut. Pembinaan media sosial *Facebook* tersebut hanya dikhususnya untuk golongan lelaki sahaja meliputi bujang dan sudah berkahwin. Sehingga September 2021, telah mempunyai 313.7K pelbagai bangsa ahlinya. *Facebook* tersebut memberi peluang kepada kaum lelaki berkongsi menu masakan, tips dan peralatan-peralatan berkaitan penyediaan makanan. Contohnya, kreativiti membuat tempat *BBQ* yang dikongsi sesama ahli.

Fenomena pandemik COVID -19 yang memperlihatkan sekatan pergerakan individu dan masyarakat dari segi ruang, dan masa, telah mengalih fokus kumpulan tersebut yang sangat aktif dengan mengeluarkan lebih kurang seribu hantaran baharu setiap hari. Walaupun bahan-bahan untuk menyediakan hidangan terhad dalam tempoh PKP ini, tidak menjadi penghalang sama sekali untuk mereka muat naik aktiviti memasak di rumah. Oleh itu, penulis mendapati bahawa penggunaan bahasa khususnya dalam bidang gastronomi amat luas dan sesuai untuk dikaji. Terdapat beberapa peraturan yang telah ditetapkan oleh pentadbir kumpulan tersebut. Rasional diwujudkan peraturan kepada ahli bertujuan membina jati diri *facebook* `Suami Masak Apa Hari Ini`. Antara peraturannya ialah; 1) ahli mesti terdiri daripada suami dan bakal suami sahaja; 2) ahli hanya boleh muat naik menu masakan yang dimasak sendiri. Maksudnya, dilarang berkongsi menu yang isteri masak; 3) ahli mesti saling memberi sokongan yang dipamerkan menerusi `like` dan `komen` dengan tujuan mewujudkan kemeriahan dan sikat berkongsi; 4) ahli dilarang mengiklan sebarang jenis produk yang tidak berkaitan makanan tanpa keizinan pihak pentadbiran; 6) ahli dipesan menjaga adab bahasa, tidak menimbulkan provokasi dan mewujudkan ketidakelesaan pembaca; 7) pihak pentadbiran berkuasa penuh memadam penghantaran dan menahan keahlian jika didapati menyumbang kepada perbalahan dan; 8) pihak pentadbiran akan menilai setiap penghantaran dan berhak menolak sebarang penghantaran tanpa ragu-ragu jika didapati tidak berkaitan dengan motif pembinaan laman *facebook* tersebut.

Setiap kajian yang dijalankan haruslah berlandaskan sesuatu pendekatan tertentu. Penulis telah menggunakan pendekatan Ure & Ellis bagi memudahkan penganalisisan data. Penulis melihat kajian ini lebih cenderung kepada kepentingan peristiwa bahasa sebagai fokus utama. Pengkaji mendapati bahawa setiap penggunaan bahasa memerlukan satu situasi sosial ataupun peristiwa bahasa yang berlainan. Oleh yang demikian, penulis menggunakan pendekatan Ure & Ellis dengan menganalisis kelainan tersebut yang dinamakan ciri-ciri keperihalan dan ciri-ciri linguistik. Ciri-ciri tersebut wujud dalam penggunaan bahasa dalam laman rasmi 'Suami Masak Apa Hari Ini?' di media sosial *Facebook*.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, pengkaji mengenal pasti dan menghuraikan beberapa data untuk dianalisis mengenai laras gastronomi.

4.1 Ciri-ciri Keperihalan

Aspek pertama yang diperkatakan oleh Ure & Ellis tentang laras ialah ciri keperihalan. Ciri keperihalan terbahagi kepada dua situasi iaitu situasi luaran dan situasi persekitaran. Situasi luaran meliputi latar belakang sosial dan kebudayaan. Dalam kajian ini, hal tersebut merangkumi cara hidup, perlakuan, dan struktur sosial pengguna di media sosial *Facebook*. Manakala situasi persekitaran melibatkan tiga perkara yang menjadi fokus perbincangan, iaitu cara penyampaian, hubungan sosial, dan bahan yang diperkatakan.

i. Situasi luaran

Dalam situasi luaran, laras ini meliputi latar belakang sosial dan kebudayaan. Rentetan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID -19 yang telah dilaksanakan, majoriti masyarakat Malaysia secara amnya terkesan dengan cara hidup masing-masing. Namun, tidak dinafikan bahawa masyarakat Malaysia mampu tercetus idea dengan membina satu kumpulan khas buat para suami dan bakal suami. Tambahan lagi, kumpulan tersebut diwujudkan agar mereka dapat berkongsi idea tentang masakan harian sepanjang PKP dilaksanakan. Secara tidak langsung, mereka dapat membina ukhwa mengeratkan hubungan antara masyarakat Malaysia tidak kira agama, bangsa, dan budaya.

ii. Situasi persekitaran

Cara penyampaian merujuk kepada jenis-jenis bahasa yang digunakan seperti bentuk lisan, tulisan, isyarat, dan sebagainya. Dalam kajian ini, ahli kumpulan 'Suami Masak Apa Hari Ini?' menggunakan bahasa tulisan. Hasil penulisan mereka ditujukan khas kepada bakal suami dan para suami yang menggunakan media sosial *Facebook*. Kumpulan tersebut ditubuhkan untuk mereka berkongsi resipi, pengalaman dalam dunia masakan, dan pelbagai perkara yang berkaitan dengannya setiap hari. Kesannya, mereka memberikan penerangan proses dan arahan dengan menggunakan kata kerja, kata bilangan, dan leksikal yang berbeza secara teratur.

Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa ahli-ahli kumpulan tersebut terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Mereka juga terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Jika dilihat dari aspek yang berbeza, dialek yang unik juga digunakan dalam penulisan mereka untuk menyampaikan mesej masing-masing. Dialek telah digunakan bagi mempamerkan identiti seseorang agar pembaca lebih mudah untuk memahami mesej yang disampaikan. Secara tidak langsung, pembaca terdedah kepada dialek-dialek luar. Oleh itu, latar belakang seseorang penulis juga boleh menyebabkan perbezaan pada cara penghasilan sesuatu laras itu.

Selain itu, perhubungan sosial dan peribadi ialah hubungan yang wujud antara seseorang penulis dengan pembaca yang terdapat dalam sesuatu peristiwa yang berlangsung. Dalam hal ini terdapat dua aspek yang berkaitan, iaitu yang melibatkan hubungan peribadi. Kedua, hubungan yang tidak rasmi ataupun bersifat formal. Dalam hubungan yang bersifat peribadi akan wujud hubungan mesra antara pembaca dan penulis yang terlibat dalam peristiwa bahasa itu. Dalam penulisan ahli kumpulan 'Suami Masak Apa Hari Ini?', mereka menggunakan pelbagai panggilan mesra sebagai kata ganti nama diri pertama. Misalnya, 'abe', 'abam', 'brother' @ 'bro' dan 'abang'. Panggilan ini secara tidak langsung menunjukkan sifat keakraban antara pengguna di media sosial. Sebaliknya, perhubungan yang rasmi tidak akan memperlihatkan kemesraan kerana terdapat jurang sosial antara kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam peristiwa bahasa. Tambahan lagi, para suami dan bakal suami juga menggunakan panggilan isteri dalam penulisan mereka sebagai penanda hubungan yang mesra dengan wanita-wanita di samping mereka dalam dunia masakan. Sebagai contoh, 'isteri', 'bini', ibu, dan juga ibu mertua mereka. Justeru, penulis mendapati bahawa wujud hubungan antara penulis dan pembaca yang mungkin terdiri daripada para isteri dalam sesuatu peristiwa bahasa.

Di samping itu, bahan yang diperkatakan dalam sesuatu peristiwa bahasa yang berlangsung. Bahan boleh merangkumi isi-isi biasa dalam kehidupan seharian sehinggalah pada bidang-bidang yang lebih khusus sifatnya seperti bidang gastronomi. Dalam kajian ini, penulis lebih cenderung untuk menggunakan pelbagai nama bahan masakan, alatan memasak, perkakas untuk menghidang, alat atau ukuran untuk menyukat dan sebagainya. Secara tidak langsung, isi-isi yang diperkatakan

dalam peristiwa bahasa merupakan bahan dalam sesuatu laras. Setiap bahan mempunyai perbezaan yang berlainan antara satu sama lain dan bergantung pada perkara yang diperkatakan oleh penulis.

4.2 Ciri-ciri Linguistik

Perbincangan seterusnya adalah mengenai ciri-ciri linguistik. Dalam aspek kedua yang diperkatakan oleh Ure & Ellis ini, beberapa perkara menjadi fokus perbincangan, iaitu aspek sintaksis, leksikal, dan juga ketenunan.

i. Aspek tatabahasa

Aspek tatabahasa meliputi struktur ayat dan cara penyampaian. Dalam aspek tatabahasa, banyak perkara yang boleh diketengahkan. Pertama, kebanyakan ayat yang digunakan dalam laman rasmi 'Suami Masak Apa Hari Ini?' di media sosial *Facebook* merupakan ayat perintah. Ayat perintah berfungsi bagi mengalami pelbagai proses. Penggunaan ayat perintah dalam hantaran tersebut bertepatan dan bersesuaian memandangkan laras gastronomi merangkumi tujuan untuk mengajar seseorang itu menyediakan resipi. Oleh hal yang demikian, ayat yang wajar digunakan adalah ayat perintah supaya segala arahan yang dikeluarkan kepada pembaca dipatuhi. Sebaliknya, jika pembaca tidak mematuhi segala arahan yang disampaikan, sudah pasti hasil resipi tidak akan menjadi atau kurang memuaskan. Analoginya, pembaca seolah-olah digerakkan oleh tangan yang tidak kelihatan untuk membuat langkah demi langkah seperti yang dinyatakan dalam arahan penulis. Berikut merupakan contoh yang terdapat dalam hantaran di laman rasmi tersebut:

- i. *Apabila ikan masak campurkan bahan A. Tunggu 3 minit, Siap untuk dihidangkan.*
- ii. *Masukkan bahan-bahan tadi secukup rasa anda. Lepas siap rebus, nanti goreng la ya.*
- iii. *Masukkan balance santan... lebih lebih 10 min udang dah masak... masukkan balance bawang goreng...*

Ketiga-tiga ayat ini merupakan ayat suruhan yang mengalami peleburan subjek ayat. Peleburan subjek ayat, iaitu diri orang yang lawan bercakap atau orang yang diperintahkan untuk membuat sesuatu, merupakan perkara biasa yang berlaku dalam ayat suruhan atau perintah. Oleh yang demikian, subjek ayat tidak dinyatakan dalam laras ini. Tambahan lagi, perkara utama yang diberikan tumpuan ialah predikat-predikat ayat sahaja kerana mesej utamanya boleh didapati di bahagian predikat ayat.

Dalam ayat (i.), predikat-predikat yang membina ayat tersebut ialah:

- a) *Apabila ikan masak campurkan bahan A.*
- b) *Tunggu 3 minit,*

Ayat tunggal yang ketiga mempunyai subjek dan predikat seperti yang berikut:

- c) *Siap untuk dihidangkan.*

Dalam ayat a) dan b) ini, subjeknya ialah pembaca. Di samping itu, pembaca sedia maklum bahawa subjek atau pelakunya merupakan orang yang hendak memasak tanpa mengira jantina, umur ataupun latar belakang sosialnya. Dengan erti kata lain, subjek ayat bersifat universal. Apabila subjek ayat ini dimasukkan dalam ayat tersebut, akan terhasil ayat-ayat tunggal seperti yang berikut:

- a) [Anda] [campurkan bahan A]
FN FK
- b) [Anda] [tunggu 3 minit]
FN FK

- c) [Makanan] [siap untuk dihidangkan]
FN FK

Ketiga-tiga ayat ini bergabung dan mengalami peleburan pada frasa nama setiap ayat tunggal. Perkara yang sama berlaku pada ayat-ayat ii) dan iii) dalam contoh-contoh yang diberikan. Hal ini disebabkan salah satu daripada ciri utama ayat perintah ialah pengguguran subjek dan terdapat juga pengaruh bahasa lisan dengan pengguguran imbuhan-imbuhan tertentu dalam ayat. Telah menjadi kelaziman dalam bahasa lisan, penggunaan imbuhan kurang diberikan penekanan tetapi mesej yang diberikan keutamaan dan inilah ciri utama yang terdapat dalam laras khususnya laras resipi ini.

ii. Aspek Leksikal

Dalam aspek leksikal, beberapa kata khusus yang digunakan dalam laras ini sebagai penanda laras gastronomi. Kata-kata tersebut dikelompokkan supaya lebih mudah untuk menganalisis. Istilah ini khusus digunakan dalam bidang gastronomi dan jarang ditemui penggunaannya dalam bidang lain. Kata-kata yang digunakan terbahagi kepada beberapa jenis iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata bilangan, dan istilah konsep. Berikut merupakan senarai kata khusus tersebut:

| Kata nama | Kata kerja | Kata adjektif | Kata bilangan | Istilah konsep |
|---|--|--|---|---|
| <u>Nama Makanan</u> keropok lekor ikan selayang ikan kembung ikan tamban tepung sagu tepung ubi tepung jagung tepung kanji garam isi ikan bawang putih bawang merah serai cili kering lengkuas halia udang kering belacan daun limau purut air asam jawa sos ikan gula apong gula putih gula perang limau daun pucuk manis peria pata daun asin-asin | <i>campurkan gentel taburkan gaul dimayang direndam buang biji digoreng tumis rasakan dipotong gaulkan diketuk distim melemang diparut direbus tumbuk hiris perasakan tuang masukkan masuk</i> | <i>keras lembik sebati berderai dadu rasa lemak layu</i> | <i>kg siung biji ibu jari segenggam gram keping semangkuk sudu kecil sudu besar inci sesudu teh setangkai</i> | <i>-lauk pauk -secukup rasa -digoreng dengan minyak yang banyak -tumis sehingga terbit minyak -tumis sehingga minyak terbit -gaul sampai minyak naik -tumis sampai naik bau -tumis sampai pecah minyak -layu elok</i> |

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| <i>peria pantai</i> <i>peria laut</i> <i>daun meranti</i> <i>ketumbar</i> <i>budu</i> <i>asam keping</i> <i>lemang kukus</i> <i>buluh</i> <i>biji sawi</i> <i>halba</i> <i>daun kari</i> <i>bunga cengkih</i> <i>bunga lawang</i> <i>buah pelaga</i> <i>jintan manis</i> <i>lada hitam</i> <i>ketupat pulut</i> <i>cili boh</i> | | | | |
| <u>Kata ganti nama</u> <i>suami</i> <i>abe</i> <i>abam</i> <i>abg</i> <i>abang</i> <i>bro</i> | | | | |
| <i>adunan</i> <i>perahan</i> | | | | |

Selain kata-kata yang disenaraikan, kebanyakan daripada kata kerja yang digunakan dalam laras ini telah mengalami peleburan imbuhan. Sebagai contoh:

menggentel → gentel
 gaulkan → gaul
 dibuang → buang
 tumiskan → tumis
 perasakan → rasakan
 tuangkan → tuang
 masukkan → masuk

Kata-kata ini kebanyakannya merupakan kata kerja transitif yang digugurkan imbuhan apabila menjadi ayat perintah. Dalam hantaran ini juga tidak terdapat kata-kata istilah khusus kerana laras ini bukan laras ilmiah. Oleh yang demikian, penggunaan istilah khusus tidak perlu tetapi kata-kata yang digunakan cukup dapat difahami oleh semua orang. Hal ini demikian kerana laras gastronomi khususnya resipi ini adalah untuk digunakan oleh semua orang tanpa mengira bangsa, jantina, status sosial, pendidikan, kerjaya, umur, dan sebagainya.

Di samping itu, kajian ini juga meneliti ciri-ciri linguistik penggunaan bahasa singkatan dalam *Facebook*. Dari segi kajian linguistik, bidang yang mengkaji bahasa ialah morfologi. Tiga aspek utama pengkajian dalam morfologi ialah kajian tentang bentuk, struktur dan golongan kata. Bentuk kata yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, kata majmuk dan kata singkatan atau akronim. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji mendapati

bahawa bentuk kata yang paling popular dalam penulisan di *Facebook* ialah bentuk singkatan. Kata singkatan ini diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk yang dipendekkan sewaktu menulis dan menaip melalui beberapa proses yang berbeza. Misalnya, pengguguran vokal atau konsonan, pengguguran vokal dan konsonan, pengguguran suku kata, penggunaan homofon huruf, angka atau simbol bagi menggantikan sesuatu kata dan penggunaan huruf awal. Jadual berikut merupakan senarai bahasa singkatan yang ditemui:

| Bahasa singkatan | Padanan | Bahasa singkatan | Padanan |
|------------------|---------|------------------|-------------|
| <i>pd</i> | pada | <i>dgn</i> | dengan |
| <i>nak</i> | hendak | <i>jgk</i> | juga |
| <i>mmg</i> | memang | <i>utk</i> | untuk |
| <i>tak</i> | tidak | <i>sgt</i> | sangat |
| <i>klu</i> | kalau | <i>nnt</i> | nanti |
| <i>mcm</i> | macam | <i>pas tu</i> | selepas itu |
| <i>dah</i> | sudah | <i>bg</i> | bagi |
| <i>xde</i> | tiada | <i>yg</i> | yang |
| <i>tp</i> | tetapi | <i>tu</i> | itu |

Seterusnya, kajian ini juga mendapati berlakunya kesilapan penggunaan imbuhan akhiran {-kan}. Dalam bidang resipi, kosa kata yang digunakan lebih cenderung kepada kata kerja. Bentuknya tidak berubah apabila bergabung dengan kata dasar. Oleh itu, imbuhan akhiran {-kan} haruslah dieja rapat dengan kata dasarnya. Hal ini demikian kerana sesuatu kata itu boleh berperanan sebagai dua golongan kata yang berbeza. Akhiran -kan berfungsi untuk membentuk kata kerja transitif dan boleh menerima kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas. Kata kerja yang menerima akhiran -kan tanpa awalan terdapat dalam dua jenis ayat, iaitu ayat pasif ganti nama diri orang pertama dan orang kedua, atau dalam ayat perintah. Dalam data kajian ini, akhiran -kan menunjukkan atau membawa maksud melakukan sesuatu untuk orang lain (benefaktif). Misalnya:

campur kan → campurkan

masuk kan → masuk kan

tabur kan → taburkan

Aspek leksikal juga menitikberatkan istilah konsep yang digunakan dalam penulisan yang dikaji. Berdasarkan contoh yang diberikan di bahagian atas, istilah '*tumis sehingga pecah minyak*' kerap digunakan dalam penulisan pengguna *Facebook*. Sebagai seorang yang berkemahiran dalam bidang masakan, konsep tersebut sewajarnya menjadi rahsia utama dalam menyediakan makanan. Sebagai contoh, konsep tersebut khususnya digunakan dalam penyediaan masakan yang menggunakan cili dan berempah. Hal ini demikian kerana seorang tukang masak perlu mempunyai sedikit ilmu dan tidak dinafikan menumis sambal itu mudah. Ada caranya yang tertentu dan jika silap gaya sambal yang ditumis boleh hangit atau tidak masak dengan sempurna. Petua dan petanda bahawa sambal yang ditumis itu telah pecah minyak adalah dengan cara menggunakan minyak yang banyak untuk menumis, api yang sederhana, dan kerap mengacau bahan tumis. Di samping itu, tukang masak perlu memastikan agar minyak yang digunakan tidak terlalu sedikit agar cili dapat masak dengan sempurna, iaitu sehingga pecah minyak. Sebaliknya, minyak yang sedikit tidak dapat menumis cili dalam masa yang lama dan cili akan cepat hangus. Hasilnya, tumisan cili akan berwarna agak gelap dan lapisan minyak kelihatan memercik di dalam kualiti. Kesannya, konsep ini digunakan agar pembaca terasa diri mereka dekat dengan penulis untuk menggambarkan tekstur

sebenarnya bahan yang ditumis. Gambaran konsep *'tumis sehingga pecah minyak'* adalah seperti berikut:



Gambar 1: Istilah konsep *'tumis sehingga pecah minyak'*

iii. Aspek Ketenunan


Dalam aspek ketenunan, laras ini memperlihatkan unsur ketenunan yang utuh. Keutuhan yang dipertekankan sama ada semasa menerangkan setiap bahan atau recah yang akan digunakan dari segi sukatan dan rupa bahan yang diperlukan untuk sesuatu menu masakan. Diperhatikan, semua jenis menu anpa mengira masakan tradisional, moden, atau berdasarkan sesuatu bangsa tetap akan mengekalkan pemakluman proses yang teratur dan berkronologi. Begitu juga ketenunan semasa menerangkan langkah-langkah menyediakan bahan, diikuti memasak sehinggalah menghadirkan menu tersebut. Pengkalan tindakan atau proses yang berkronologi merupakan satu syarat penting menjadikan laras bahasa gastronomi menjadi wahana penarik dan berkesan kepada ahli untuk mencuba sesuatu masakan. Pemahaman setiap proses membolehkan ahli laman *facebook* ini dapat memberi tindak balas 'menyukai' dan mengutarakan komen - komen yang memberangsangkan. Perkongsian yang aktif dan mesra di samping olahan bahasa bersopan merupakan aspek yang menghidupkan kemeriahan sesuatu laman *facebook*. Meskipun ada beberapa syarat telah ditetapkan oleh pihak pentadbir, suasana perkongsian ilmu masakan atau penghasilan sesuatu barangan menjadi santai. Laman *facebook* ini tidak bersifat rasmi, justeru penggunaan laras bahasa mewujudkan penggunaan [percampuran kod bahasa yang meluas.

Laras bahasa gastronomi dalam *face book* ini dimulakan dengan bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak dan bahan yang tersenarai. Bahan-bahan tersebut akan dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu bahan basah, bahan kering, bahan untuk hiasan, peralatan yang digunakan, gaya memasak, dan diikuti oleh cara-cara menyediakan resipi tersebut. Setiap bahan diberikan kuantiti yang dikehendaki serta berat timbangan yang perlu. Dalam bahagian cara membuat resipi, ketenunan jelas tergambar kerana setiap proses penyediaan makanan ditandai oleh angka 1, 2, 3, 4 dan 5. Dengan erti kata lain, seseorang tukang masak mesti mengikuti langkah pertama, kedua dan seterusnya. Sebaliknya, jika tidak diikuti langkah yang diberikan, resipi yang dibuat tidak akan menjadi. Dalam hal ini, ketenunan hantaran-hantaran dalam laman rasmi 'Suami Masak Apa Hari Ini?' di media sosial *Facebook* tergambar kerana hubungan antara langkah pertama, kedua dan seterusnya. Ketenunan ini jelas tergambar kerana hasil dalam langkah pertama akan menjadi bahan untuk langkah yang kedua serta seterusnya.

Seiring dengan keutuhan ketenunan yang diyakini mampu membantu menghasilkan menu yang betul-betul seratus peratus sama atau `mesti menjadi` seperti yang dikongsikan, turut diselit ketenunan kata panggilan `bro` sebagai kata ganti nama. Penggunaan `bro` adalah kata ganti nama yang beridentiti khusus bagi laman *facebook* ini kerana hanya lelaki menjadi ahlinya. Tidak akan ditemui kata ganti nama `sis` atau kak/makcik yang sememangnya merujuk kepada gender perempuan. Perhatikan contoh berikut:

“Kadang-kadang tekak ni teringin nak makan shellout yang sedap-sedap kat luar tu dengan mahal dan biasalah keluarga pun besar.. nak makan ramai-ramai pun terkedu jugaklah.. haaa.. bro.. saya ada resipi yang kita oleh *share* ramai-ramai *and* buat sama .. murah pun murah *and* sedap pun sedap.. ni haa... resepi shellout sambal terangkat.. jom cuba..”

“ Kalau bro-bro nak menyerlahkan bakat bro di TV nasional dan sambal bro yang SEDAP MENYENGAT, jom sertai nencarian Raja Ratu Sambal Tumis Maggi”.



Gambar 2: ketenunan dari segi aspek langkah-langkah penyediaan.

5. Kesimpulan

Kajian terhadap laras bahasa yang digunakan di laman *Facebook* di Malaysia akan dilihat daripada penulisan yang dikemukakan oleh pengguna terhadap hantaran yang dibuat oleh pengguna yang lain. Laras gastronomi merupakan suatu laras yang tersendiri dan berlainan daripada laras-laras yang lain. Keunikan laras ini terletak pada jenis ayat yang digunakan, iaitu ayat perintah, dan kata-kata istilah teknikal tidak digunakan kerana laras ini ditujukan untuk semua orang. Sesiapa sahaja boleh memahami laras ini kerana ia bukan laras yang bersifat ilmiah. Oleh itu, laras gastronomi boleh difahami tanpa mengira bangsa, jantina, status sosial, pendidikan, kerjaya, dan bidang ilmu. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa ciri-ciri keperihalanan dan ciri-ciri linguistik dapat dianalisis dengan menggunakan pendekatan Ure & Ellis.

Perbincangan data kajian *facebook* `Suami Masa Apa Hari Ini` jelas memperlihatkan jati diri yang menyokong kewujudan laman tersebut sehingga bilangan ahlinya semakin bertambah dari semasa ke semasa. Jati diri dari segi keahliannya kelompok lelaki sahaja. Ekoran itu, ungkapan khusus melahirkan laras bahasa khas ditujukan kepada ahli-ahlinya dengan bertanda pagar seperti:

- # Suami dan bakal suami yang padu, lagi hebat dan mantap
- # Air tangan Suami
- # Suami lejen (dari segi kosa kata standard ialah legenda)

Hasil dapatan dari kajian ini pengguna *Facebook* menguasai aspek tatabahasa dan kosa kata yang berkaitan bidang masakan dengan baik. Buktinya, sifat kematangan para suami dan bakal suami menggambarkan nilai harmoni dalam hidup bermasyarakat. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, mereka menggunakan media sosial *Facebook* sebagai wahana terbaik dalam berkongsi pendapat mengenai bahan masakan, gaya masakan, resipi pelbagai menu, dan memberi komen penambahbaikan sekiranya sesuatu menu itu tidak dapat dihasilkan dengan baik. Malahan, mereka menjadi lebih kreatif dalam penghasilan hidangan pada tempoh PKP. Sebagai contoh, mereka membuat lemang yang dikukus dengan hanya menggunakan cawan kertas. Seseorang penutur itu akan mengubah larasnya bergantung pada keadaan atau situasi sesuatu peristiwa bahasa itu berlangsung. Justeru, kajian dalam bidang laras bahasa ini wajar diteruskan agar boleh menjadi bahan rujukan pada masa akan datang. Kesannya, generasi demi generasi akan terus berkembang selagi wujudnya pelbagai bidang yang baharu.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 1987. *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Khair, Raminah Hj Sabran, Nawi Ismail, Ton Ibrahim. 2015. *Tatabahasa asas*. Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. 122-123.
- Harishon Radzi dan Nurul Husna binti Abdul Halim. 2018. Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Analisis Sosiokognitif. *Jurnal Linguistik* Vol.22(22) Disember 2018 (037-053).
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Zuhairah Idrus. 2017. Ketidakselarasan Istilah Bahasa Melayu Dalam Korpus Kejuruteraan Dan S&T: Analisis Siositerminologi. *Jurnal Linguistik* Vol.21 (1) Jun. 2017 (001-013).
- Kartini Abd Wahab. 2018. Ciri dan Fungsi Komunikatif Bahasa Melayu Sabah dalam Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 58-74.
- Maslida Yusof dan Karim Harun. 2015. Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 151-168.
- Mohd Faizal Musa. 2019. *Pengantar Gastronomi Melayu*. Prosiding Seminar Gastronomi Melayu Kebangsaan (SEGEMUK 2019). Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin dan Mohamad Fauzi Sukimi. 2014. Interaksi Sosial di Ruang Maya: Kajian Kes Jaringan Sosial Melalui Laman Facebook di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 138-147.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan. 2018. Aliran Pertuturan Bahasa Rojak dalam Kalangan Pengguna Facebook di Malaysia. *e-Academia Journal*, 7(1), 62-71.
- Nik Safiah Karim. 1982. Laras Bahasa Melayu: Beberapa Pandangan dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Azean Idruwani Ahmad Mahmood Musanif dan J. Sham Wahid. 2018. Media Sosial dari Perspektif Interpretasi Mesej Komuniti Wacana. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 1(3), 112-127.
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd Sani dan Rohaidah harun. 2018. Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 34 (2), 354-373.
- Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad, Raja Masittah Raja Ariffin. 2014. Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan. *Jurnal Linguistik* Vol.18 (2) Disember. 2014 (019-029).
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Toklubok@Hajjimaming dan Nor Azuwan Yaakob. 2019. Bahasa Media Sosial Hari ini Memisahkan Generasi X dan Y. *Jurnal Linguistik* Vol.23 (1) Jun 2019 (058-069).

Rujukan dalam Talian

Laman Rasmi *Facebook* Suami Masak Apa Harini?

<https://www.facebook.com/groups/2323645557944999/?ref=share>

Biodata Penulis

Masrina Binti Karim merupakan alumni Sarjana Muda di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik sesi 2019/2020, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan dan Ketua Program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Morfologi, Geolinguistik dan Linguistik dan Komunikasi.

Junaini Kasdan ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum bergiat dalam bidang akademik, beliau bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa, DBP di Bahagian Peristilahan dan Leksikologi. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Melayu, Terminologi dan Leksikologi.